**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**
**BILANGAN 8 TAHUN 2016**

**PINDAAN BUTIRAN 85, KAEDAH 21,**
**KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 26/2015 yang bersidang pada 06 Januari 2016, telah menimbang dan membuat keputusan bersetuju meluluskan pindaan bayaran pejabat di bawah butiran 85, Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Pindaan Butiran 85, Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Kelantan bil. Kn.P.U.7. bertarikh pada 28hb April 2016 sebagaimana salinan warta yang dikembarkan.

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.

..........................................................

**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD,** D.P.S.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**
**NEGERI KELANTAN**
**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

| | | |
|---|---|---|
| **FAIL** | : | **PTG.KN.44/85 JLD.4 (2)** |
| **FAIL KERTAS** | : | **PTG.KN.S.3/65 SJ.1 JLD.8** |
| **BERTARIKH** | : | **18 SYAABAN 1437H** |
| | | **25 MEI 2016** |

ELECTRONIC GOVERNMENT ACTIVITIES
(KELANTAN) ENACTMENT 2014

APPOINTMENT OF DARE OF COMING INTO OPERATION

IN exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Electronic Government Activities (Kelantan) Enactment 2014 [*Enactment 7*], the State Authority appoints 1 May 2016 corresponding to 23 Rejab 1437H as the date on which the Enactment comes into operation.

Dated 30 March 2016
[SUK.D200(11)419/19 JLD.2; PU.KN.1/G/117]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR
*Secretary*
*State Executive Council*
*Kelantan*

**Kn. P.U. 7.**

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN (PINDAAN NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan No. 3) 2016** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh siarannya dalam *Warta*.

**Pindaan Kaedah 21**

2. Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 [*Kn. PU.12/1967*], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini adalah dipinda dalam Kaedah 21 dengan menggantikan butiran 85 dengan butiran berikut:

"85.

(*a*) Menarik balik permohonan di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 tertakluk kepada peringkat proses permohonan.

| Butiran | Perkara | Bayaran (%) |
|---|---|---|
| (i) | Permohonan awal | 30% |
| (ii) | Siasat/Lapor | 50% |

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | Kelulusan JKHET | 70% |
| (iv) | Kertas Kerja | 80% |
| (v) | Lulus Pihak berkuasa Negeri | 100%.". |

(*b*) Menarik balik permohonan di bawah seksyen 124(1), 124(A), 137, 142, 148 dan 204(D) Kanun Tanah Negara 1965. — 30% daripada deposit.".

**Pembatalan**

3. Kaedah-Kaedah Tanah (Pindaan No.2) 2016 yang telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Kelantan sebagai KN. P.U.4 Tahun 2016 bertarikh 17 Mac 2016 adalah dengan ini dibatalkan.

Bertarikh 6 Januari 2016
[PTG.KN.S.3/65 SJ.1 JLD.8; PU.KN.1/G/21]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*
*Kelantan*

NATIONAL LAND CODE 1965

KELANTAN LAND (AMENDMENT NO. 3) RULES 2016

IN exercise the powers conferred by section 14 of the National Land Code 1965 [*Act 56/1965*], the State Authority hereby makes the following rules:

**Name and commencement**

1. These rules may be cited as the **Kelantan Land (Amendment No. 3) Rules 2016** and shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of Rule 21**

2. The Kelantan Land Rules 1966 [*Kn.PU.12/1967*], which is referred to as the "principle Rules" in these Rules is amended in Rule 21 by substituting item 85 the following item:

"85.

(*a*) Withdrawal of application under section 76 of the National Code 1965 subject to the application process.

| Item | Process | Fee (%) |
|---|---|---|
| (i) | Application | 30% |
| (ii) | Investigate/ Report | 50% |
| (iii) | Approval of JKHET | 70% |
| (iv) | Paperwork | 80% |
| (v) | Passing the State Authority | 100%.". |

(*b*) Withdrawal of application under sections 124(1), 124(A), 137, 142, 148 dan 204D of the National Land Code 1965. 30% of the deposit.".

**Revocation**

3. The Kelantan Land (Amendment No.3) Rules 2016 published in the Kelantan *Gazette* as KN. P.U.4 of 2016 dated 17 March 2016 is hereby revoked.

Dated 6 January 2016
[PTG.KN.S.3/65 SJ.1 JLD.8; PU.KN.1/G/21]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR
*Secretary*
*State Executive Council*
*Kelantan*

Hak Cipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA